

# ALUMNI BALIK KAMPUS

Oleh Noor Azam

Abd Aziz

azam@hmetro.com.my

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) yang bermula sebagai Sekolah Pertanian Malaya pada 1931 sebelum dinaikkan taraf kepada Kolej Pertanian Malaya dan Universiti Pertanian Malaysia telah melahirkan lebih 80,000 graduan dalam pelbagai bidang.

Dalam proses berkenaan, ramai graduan UPM berjaya menerokai pelbagai bidang kerjaya di dalam negara dan peringkat antarabangsa.

Untuk menghimpulkan kembali graduan berkenaan UPM bakal mengadakan Majlis Malam Sirih Pulang ke Gagang pada 20 Disember ini.

Program berkenaan dijangka bermula pada jam 8 malam di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, Serdang, Selangor.

## Himpukan kembali graduan UPM

Pengarah Pusat Perkhidmatan Kerjaya dan Alumni UPM, Dr Rohani Ibrahim, berkata program itu bertujuan membawa kembali alumni UPM ke kampus bagi mengukuhkan hubungannya dengan universiti dan dengan generasi graduan baru.

"Majlis kali keduanya ini diadakan selepas mendapat sambutan menggalakkan daripada semua alumni seluruh negara dan mendapat sokongan penuh universiti pada 2001, iaitu ketika sambutan 70 tahun penubuhannya," katanya.

Majlis bertema 'Khidmat Disemai Bakti Dituai' itu anjuran Pusat Alumni yang dinaikkan taraf sebagai Pusat Perkhidmatan Kerjaya dan Alumni UPM selain kerjasama fakulti dan kolej.

Acara merangkumi jamuan malam, penyampaian anugerah kepada alumni berbakti,

Siri Syarahan Yayasan Pak Rashid, Pertandingan Golf Persahabatan 'Homecoming' dan Ragbi Persahabatan.

"Saya menjemput semua alumni UPM menyertai majlis diadakan dua tahun sekali ini. Ia pasti memberikan banyak kenangan manis kepada mereka sebagai mengenang tempat bergelar graduan sehingga berjaya dalam hidup seperti hari ini," katanya.

Semua alumni UPM yang berminat boleh hubungi, Sekretariat Homecoming 2, Pusat perkhidmatan kerjaya dan Alumni, Bangunan C13, 43400 UPM, Serdang. Atau menghubungi talian: 03-89466079/89466080/894672-72.

Untuk maklumat lanjut lari laman web [www.upm.edu.my](http://www.upm.edu.my) dan e-mel [rohani@alumni.upm.edu.my](mailto:rohani@alumni.upm.edu.my) / [nmo-hd77@alumni.upm.edu.my](mailto:nmo-hd77@alumni.upm.edu.my) / [fairul@alumni.upm.edu.my](mailto:fairul@alumni.upm.edu.my).